

Pelajar UPM berkempen sayangi ginjal

SERDANG 7 April – Sebanyak 181 orang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menyertai pelbagai acara yang diadakan bagi menyokong Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang sempena Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2009 di Hospital Serdang baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, UPM memberitahu, antara aktiviti yang dijalankan sempena kempen tersebut adalah konvoi berbasikal dan bermotosikal serta berjalan kaki.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Madya Dr. Latiffah A. Latiff berkata, sebanyak 51 orang pelajar UPM berbasikal bermula di Hospital Serdang hingga ke pintu utama UPM.

Tambahnya, 50 orang pelajar lagi berjalan kaki sambil mengedarkan risalah kepada orang ramai mengenai penyakit berkaitan buah pinggang untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan fungsi dan pencegahan kerosakan buah pinggang.

“Seramai 80 orang pelajar lain menyertai konvoi bermotosikal yang bermula di Hospital Serdang hingga ke Bangi sebelum kembali semula ke hospital,” katanya.

Kumpulan pelajar berbasikal dan bermotosikal itu telah dilepaskan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Program Kesedaran Penyakit Buah Pinggang itu merupakan program anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Nefrologi Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti lain turut dianjurkan pada kempen tersebut antaranya kaunseling pema-
kanaan, pameran kesihatan, pertandingan



KAKITANGAN dan pelajar UPM meraikan kejayaan mereka menjayakan konvoi menggunakan motosikal, berbasikal dan berjalan kaki untuk Kempen Kesedaran Penyakit Buah Pinggang di Hospital Serdang baru-baru ini.

mewarna dan pemeriksaan kesihatan.

Majlis perasmian Hari Buah Pinggang Sedunia telah dilakukan oleh Menteri Ke-

sihatan, Datuk Sri Liow Tiong Lai dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican dan

Presiden Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Datuk Dr. Abu Bakar Suleiman.